

# **PENGHURAIAN KERJA PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

## **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred, S1, S2, S3, S4.

## **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional/Kementerian Kesihatan Malaysia/Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia.

## **3. RINGKASAN TUGAS**

Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan berbentuk penggalakan, pemupukan, pencelahan dan pemulihan dalam aspek perpaduan dan hubungan kaum, membantu melaksanakan penubuhan Rukun Tetangga (RT), Tabika Perpaduan (TP), Taska Permata Perpaduan (TPP), perluasan Skim Rondaan Sukarela (SRS), pengumpulan maklumat iklim perpaduan, pengesanan isu-isu konflik berbentuk hubungan kaum, kebudayaan, adat resam dan sensitiviti keagamaan, membantu memantau dan mengesan isu-isu yang boleh mengancam hubungan kaum yang boleh menggugat keselamatan sosial di dalam komuniti setempat. Dalam masa yang sama juga bertanggungjawab membantu mempertingkatkan persefahaman masyarakat setempat terhadap kepentingan integrasi nasional, patriotisme, bina negara dan hubungan antara etnik berlandaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Membantu dan menolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Pegawai Kerja Sosial Perubatan) dalam memberi perkhidmatan biopsikososial kepada pesakit semasa menjalani rawatan dan proses pemulihan serta membantu memulihkan kefungsian sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

## **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

### **4.1 Pembantu Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S1**

#### **4.1.1 Aspek Keselamatan**

##### **a. Rukun Tetangga (RT)**

- i. Melaksana dan menyelia Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di daerah dalam pelaksanaan program keselamatan sosial di peringkat komuniti setempat.

- ii. Menjadi perantara (*mediator*) dan membimbing Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik dalam masyarakat setempat.
  - iii. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data, direktori RT melalui sistem Pembangunan Maklumat RT (e-RT) sebagai rujukan pihak berkuasa di peringkat daerah/bahagian.
  - iv. Membantu memantau dan melaporkan keaktifan KRT bagi memastikan keselamatan sosial di kalangan komuniti adalah terkawal.
- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
  - i. Menguruskan proses penubuhan Skim Rondaan Sukarela di daerah/bahagian.
  - ii. Melaksana dan menyelia perjalanan dan pengendalian SRS dengan menyertai rondaan bersama peronda sukarelawan.
  - iii. Membimbing peronda sukarelawan dalam menjalankan aktiviti rondaan selaras dengan Peraturan Perlu Rukun Tetangga (1975).
  - iv. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data dalam direktori SRS melalui Sistem Pembangunan Maklumat RT (e-SRS) sebagai rujukan pihak berkuasa di peringkat daerah/bahagian.
  - v. Membantu memastikan SRS sentiasa bergerak aktif dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di kawasan kejiranan dan keselamatan sosial dalam komuniti supaya sentiasa dalam keadaan terkawal.
  - vi. Membantu melaksana dan mengurusetiakan latihan dalam aspek hubungan etnik, perpaduan, kebudayaan dan adat resam kepada jawatankuasa Rukun Tetangga dan ahli-ahli SRS.
- c. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI)
  - i. Membantu memantau dan mengesan isu/konflik yang berlaku dalam masyarakat setempat melalui pelaporan di peringkat daerah/bahagian, media massa dan media elektronik seperti internet dan blog.

- ii. Membantu mengenal pasti konflik sosial yang berlaku dalam masyarakat setempat seperti gejala sosial, jenayah, demonstrasi, pergaduhan, serangan dan sebagainya.
  - iii. Membantu mengumpul isu/konflik dan maklumat ketegangan hubungan kaum yang berlaku dalam masyarakat sebagai kaedah untuk mengukur keharmonian masyarakat.
- d. Mediasi

- i. Menjadi perantara (*mediator*) dan membimbing Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik yang berlaku dalam masyarakat setempat.

#### 4.1.2 Perpaduan Masyarakat

- a. Pengurusan Perpaduan
  - i. Membantu menjalankan pencelahan (intervensi) terhadap isu/konflik yang berlaku dalam masyarakat setempat melalui mediasi komuniti.
  - ii. Membantu melaksanakan aktiviti berbentuk pemulihan dan pencegahan dalam kawasan yang berlaku isu/konflik.
- b. Perhubungan Antara Agama
  - i. Membantu mengurusetakan dialog antara agama yang diadakan dalam komuniti setempat.
  - ii. Membantu memberi penerangan dan penjelasan kepada masyarakat setempat tentang kepentingan memahami sensitiviti agama antara kaum sebagai usaha untuk mendidik masyarakat agar lebih harmoni dalam pengamalan agama masing-masing.
- c. Kejiranan Komuniti Rukun Tetangga
  - i. Memberi nasihat dan bimbingan kepada RT dalam merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kejiranan dalam komuniti setempat.
  - ii. Membantu mempertingkatkan pengukuhan semangat kejiranan dalam komuniti setempat.

- iii. Membantu menguruskan proses penubuhan, perjalanan, dan pembatalan KRT di daerah.
  - iv. Melaksana dan menyelia KRT di daerah seperti menghadiri mesyuarat dan pelaksanaan program kemasyarakatan komuniti.
  - v. Memudahcara dan membimbang Jawatankuasa RT dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.
  - vi. Membimbang dan menyelia pengurusan KRT dalam daerah/bahagian mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
- d. Pendidikan Perpaduan Melalui Tabika dan Taska
- i. Membantu menyelia dan menyelaras kelas TP dan TPP sebagai agen pemupukan perpaduan.
  - ii. Membantu menyelia pembelajaran dan pengajaran kelas TP dalam aspek hubungan antara kaum, kebudayaan dan adat resam.
  - iii. Membantu menyelaras dan menyelia pelaksanaan aktiviti kokurikulum TP dalam aspek perpaduan dan hubungan kaum.

#### 4.1.3 Bina Negara

- a. *Ethnic Alignment*
- i. Membantu menyelaras penjajaran, pengubahsuaian dan penyediaan keadaan yang sesuai supaya masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama secara harmoni melalui interaksi sosial yang sihat.
  - ii. Membantu melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang menjurus kepada *ethnic alignment*.
- b. Kelab Rukun Negara (KRN)/Sekretariat Rukun Negara (SRN)
- i. Membantu menyelaras perancangan Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS.
  - ii. Menjalankan pemantauan terhadap aktiviti KRN dan SRN agar menjurus kepada hubungan kaum dan perpaduan.

- iii. Membantu menggalakkan pelajar berbilang kaum agar lebih kerap berinteraksi melalui pelaksanaan aktiviti percampuran pelajar berbilang kaum seperti RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan).
- c. Integrasi Nasional
  - i. Membantu perlaksanaan aktiviti-aktiviti pengukuhan integrasi nasional antara wilayah dan masyarakat seperti Lawatan Integrasi, Orientasi Pegawai dan Titian Integrasi.
  - ii. Membantu menjalankan program-program pemahaman budaya, adat resam dan pantang larang masyarakat antara wilayah.
- d. Patriotisme
  - i. Membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti pengukuhan semangat patriotisme di kalangan generasi muda melalui Jiran Muda dalam KRT seperti Program Khemah Kerja Anak Malaysia, Debat Perpaduan, dan Pertandingan Lagu-lagu Patriotik.
  - ii. Membantu meningkat dan mengukuhkan kefahaman masyarakat tentang Institusi Raja, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara melalui penterjemahan Prinsip Rukun Negara dalam bentuk aktiviti supaya mudah untuk dihayati dan diamalkan.
- e. Perlembagaan
  - i. Membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk penerangan dan penjelasan kepada masyarakat mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuhaspek-aspek perpaduan dan hubungan antara kaum oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Seminar Kenegaraan Dalam Konteks Perlembagaan Persekutuan Dan Perpaduan Negara.
  - ii. Membantu dalam memberi bimbingan mengenai pematuhan masyarakat kepada perkara-perkara berkaitan dengan agama dan sensitiviti beragama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### **4.1.4 Aspek Perkhidmatan Kepada Pesakit**

- a. Merekod, mendaftar dan membuka fail setiap kes.
- b. Mengambil maklumat latar belakang peribadi pesakit dan keluarga.
- c. Membantu menjalankan siasatan sosial secara temu bual di pejabat, wad, rumah pesakit/waris dan di tempat-tempat berkaitan bagi penyediaan laporan sosio-ekonomi.
- d. Membantu mengesan dan mencari keluarga pesakit/waris melalui lawatan ke rumah, surat, telefon atau akhbar.
- e. Menyediakan laporan sosio-ekonomi pesakit/keluarga bagi permohonan bantuan am/ kewangan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Zakat, Baitulmal, MAKNA, MACAS dan lain-lain agensi pemberi bantuan.
- f. Membantu pesakit memahami arahan yang diberikan oleh Pegawai Perubatan.
- g. Membantu mengurus dan menyalurkan bantuan dari peruntukan tabung bantuan pesakit seperti Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia, MAKNA, Pusat Zakat, Baitulmal dan lain-lain agensi pemberi bantuan.
- h. Membantu mengendalikan khidmat nasihat kepada pesakit dan keluarga.

### **4.2 Pembantu Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S2**

#### **4.2.1 Aspek Keselamatan**

- a. Rukun Tetangga (RT)
  - i. Melaksana dan menyelia KRT di daerah dalam pelaksanaan program keselamatan sosial di peringkat komuniti setempat.
  - ii. Menjadi perantara (mediator) dan membimbing Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik di kalangan masyarakat setempat.
  - iii. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data, direktori RT dalam sistem Pembangunan Maklumat RT (e-RT) sebagai rujukan pihak berkuasa peringkat di daerah/bahagian.

- iv. Memantau dan melaporkan keaktifan KRT memastikan keselamatan sosial di kalangan komuniti adalah terkawal.
- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
  - i. Menyelaras dan menguruskan proses penubuhan Skim Rondaan Sukarela di daerah.
  - ii. Melaksana dan menyelia perjalanan SRS dengan menyertai rondaan bersama peronda sukarelawan.
  - iii. Memudahcara dan membimbing peronda sukarelawan dalam menjalankan aktiviti rondaan.
  - iv. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data, direktori SRS dalam sistem Pembangunan Maklumat RT (e-SRS) sebagai rujukan pihak berkuasa peringkat di daerah/bahagian.
  - v. Memantau dan melaporkan keaktifan SRS bagi memastikan keselamatan sosial di kalangan komuniti adalah terkawal dan mengurangkan kadar jenayah di kawasan kejiranan.
  - vi. Melaksanakan latihan kepada jawatankuasa RT dan ahli SRS.
- c. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Societal Stress Index (SSI)*
  - i. Mengesan dan mengumpul isu/konflik yang berlaku dalam masyarakat setempat melalui pelaporan peringkat daerah, media massa dan elektronik.
  - ii. Mengenalpasti kawasan berisiko tinggi dari aspek konflik sosial dan jenayah dalam masyarakat setempat, gejala sosial.
  - iii. Mengumpul isu dan maklumat bagi mengukur keharmonian masyarakat.
- d. Mediasi
  - i. Menjadi perantara (mediator) dan membimbing Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik di kalangan masyarakat setempat.

#### **4.2.2 Perpaduan Masyarakat**

- a. Pengurusan Perpaduan**
  - i. Mengesan dan memantau isu konflik yang berlaku dalam komuniti setempat.
  - ii. Menjalankan pencelahan isu konflik dalam masyarakat setempat melalui mediasi komuniti.
  - iii. Melaksanakan aktiviti berbentuk pemulihan dan pencegahan dalam kawasan berlaku isu konflik.
- b. Perhubungan Antara Agama**
  - i. Mengurusetia dialog antara agama dalam komuniti setempat dan Majlis Perjumpaan Pemimpin Agama Bersama Perdana Menteri.
  - ii. Memberi penerangan dan penjelasan mengenai sensitiviti antara agama di kalangan masyarakat berbilang kaum sebagai usaha untuk mendidik masyarakat mengenai keharmonian dalam pengamalan pelbagai agama dalam masyarakat.
- c. Kejiranan Komuniti Rukun Tetangga**
  - i. Memberi bimbingan kepada RT dalam melaksanakan aktiviti kejiranan dalam komuniti setempat.
  - ii. Mempertingkatkan pengukuhan semangat kejiranan dalam komuniti.
  - iii. Menguruskan proses penubuhan, perjalanan, dan pembatalan KRT di daerah.
  - iv. Melaksana dan menyelia KRT di daerah seperti menghadiri mesyuarat dan perlaksanaan program kemasyarakatan komuniti.
  - v. Memudahcara dan membimbang Jawatankuasa RT dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan
- d. Pendidikan Perpaduan Melalui Tabika dan Taska**
  - i. Menyelia dan menyelaras kelas TP sebagai agen pemupukan perpaduan.

- ii. Menyelia pembelajaran dan pengajaran kelas TP dalam aspek hubungan antara kaum, kebudayaan dan adat resam.
- iii. Menyelaras dan menyelia pelaksanaan aktiviti kokurikulum TP dalam aspek perpaduan dan hubungan kaum.

#### 4.2.3 Bina Negara

- a. *Ethnic Alignment*
  - i. Membantu menyelaras penjajaran, pengubahsuaian dan penyediaan keadaan yang sesuai supaya masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama secara harmoni melalui interaksi sosial yang sihat.
  - ii. Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang menjurus kepada *ethnic alignment*.
- b. Kelab Rukun Negara (KRN)/Sekretariat Rukun Negara (SRN)
  - i. Menyelaras perancangan Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
  - ii. Menjalankan pemantauan aktiviti KRN dan SRN.
  - iii. Membantu menggalakkan pelajar berbilang kaum agar lebih kerap berinteraksi melalui pelaksanaan aktiviti percampuran pelajar berbilang kaum seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).
- c. Integrasi Nasional
  - i. Melaksanakan aktiviti pengukuhan integrasi nasional antara wilayah dan masyarakat.
  - ii. Menjalankan program-program pemahaman budaya, adat resam dan pantang larang masyarakat antara wilayah.
- d. Patriotisme
  - i. Melaksanakan aktiviti pengukuhan semangat patriotism.

- ii. Meningkat dan mengukuhkan kefahaman masyarakat tentang institusi Raja Berpelembagaan dan Rukun Negara melalui penterjemahan Prinsip Rukun Negara dalam bentuk aktiviti supaya mudah untuk dihayati dan diamalkan.
- e. Perlembagaan
  - i. Melaksanakan aktiviti-aktiviti penerangan dan penjelasan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh aspek perpaduan dan hubungan antara kaum oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Seminar Kenegaraan Dalam Konteks Perlembagaan Persekutuan dan Perpaduan Negara.
  - ii. Memberi bimbingan mengenai pematuhan masyarakat kepada perkara-perkara berkaitan aspek, hubungan dan sensitiviti agama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

### **4.3 Pembantu Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S3**

#### **4.3.1 Aspek Keselamatan**

- a. Rukun Tetangga (RT)
  - i. Melaksana dan menyelia KRT di daerah dalam pelaksanaan program keselamatan sosial di peringkat komuniti setempat.
  - ii. Menjadi perantara (mediator) dan membimbang Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik di kalangan masyarakat setempat.
  - iii. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data, direktori RT dalam sistem Pembangunan Maklumat RT (e-RT) sebagai rujukan pihak berkuasa peringkat di daerah/bahagian.
  - iv. Memantau dan melaporkan keaktifan KRT bagi memastikan keselamatan sosial di kalangan komuniti adalah terkawal.
- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
  - i. Menyelaras dan menguruskan proses penubuhan Skim Rondaan Sukarela di daerah.

- ii. Melaksana dan menyelia perjalanan SRS dengan menyertai rondaan bersama peronda sukarelawan.
  - iii. Memudahcara dan membimbing peronda sukarelawan dalam menjalankan aktiviti rondaan.
  - iv. Mengumpul dan mengemaskini maklumat/data, direktori SRS dalam sistem Pembangunan Maklumat RT (e-SRS) sebagai rujukan pihak berkuasa peringkat di daerah/bahagian.
  - v. Memantau dan melaporkan keaktifan SRS bagi memastikan keselamatan sosial di kalangan komuniti adalah terkawal dan mengurangkan kadar jenayah di kawasan kejiranan.
  - vi. Melaksanakan latihan kepada jawatankuasa Rukun Tetangga dan ahli SRS.
- c. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Societal Stress Index (SSI)*
- i. Mengesan dan mengumpul isu/konflik yang berlaku dalam masyarakat setempat melalui pelaporan peringkat daerah, media massa dan elektronik.
  - ii. Mengenalpasti kawasan berisiko tinggi dari aspek konflik social dan jenayah dalam masyarakat setempat, gejala sosial.
  - iii. Mengumpul isu dan maklumat bagi mengukur keharmonian masyarakat.
- d. Mediasi
- i. Menjadi perantara (mediator) dan membimbing Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam menangani isu/konflik di kalangan masyarakat setempat.

#### 4.3.2 Perpaduan Masyarakat

- a. Pengurusan Perpaduan
- i. Melaporkan isu-isu konflik yang berlaku dan memantau reaksi masyarakat semasa dan selepas berlakunya konflik.
  - ii. Menjalankan pencelahan isu konflik dalam masyarakat setempat melalui mediasi komuniti.

- iii. Melaksanakan aktiviti berbentuk pemulihan dan pencegahan dalam kawasan berlaku isu konflik.
  - iv. Mengawasi keadaan selepas berlakunya konflik dalam komuniti dan merangka tindakan susulan yang perlu diambil.
- b. Perhubungan Antara Agama
  - i. Mengurusetia dialog antara agama dalam komuniti setempat.
  - ii. Memberi penerangan dan penjelasan mengenai sensitiviti antara agama di kalangan masyarakat berbilang kaum sebagai usaha untuk mendidik masyarakat mengenai keharmonian dalam pengamalan pelbagai agama dalam masyarakat.
- c. Kejiranan Komuniti Rukun Tetangga
  - i. Memberi bimbingan kepada RT dalam melaksanakan aktiviti kejiranan dalam komuniti setempat.
  - ii. Mempertingkatkan pengukuhan semangat kejiranan dalam komuniti.
  - iii. Menguruskan proses penubuhan, perjalanan, dan pembatalan KRT di daerah.
  - iv. Melaksana dan menyelia KRT di daerah seperti menghadiri mesyuarat dan perlaksanaan program kemasyarakatan komuniti.
  - v. Memudahcara dan membimbang Jawatankuasa RT dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.
- d. Pendidikan Perpaduan Melalui Tabika dan Taska
  - i. Menyelia dan menyelaras kelas TP sebagai agen pemupukan perpaduan.
  - ii. Menyelia pembelajaran dan pengajaran kelas TP dalam aspek hubungan antara kaum, kebudayaan dan adat resam.
  - iii. Menyelaras dan menyelia pelaksanaan aktiviti kokurikulum TP dalam aspek perpaduan dan hubungan kaum.

#### 4.3.3 Bina Negara

##### a. *Ethnic Alignment*

i. Membantu menyelaras penjajaran, pengubahsuaian dan penyediaan keadaan yang sesuai supaya masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama secara harmoni melalui interaksi sosial yang sihat.

ii. Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang menjurus kepada *ethnic alignment*.

##### b. Kelab Rukun Negara (KRN)/Sekretariat Rukun Negara (SRN)

i. Menyelaras perancangan program/aktiviti Kelab Rukun Negara di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara di IPT di peringkat daerah/bahagian.

ii. Memantau pelaksanaan aktiviti KRN dan SRN di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS di daerah/bahagian.

iii. Menggalakkan pelajar berbilang kaum agar lebih kerap berinteraksi melalui pelaksanaan aktiviti percampuran pelajar berbilang kaum seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

##### c. Integrasi Nasional

i. Melaksanakan aktiviti pengukuhan integrasi nasional antara wilayah dan masyarakat seperti Lawatan Integrasi, Orientasi Pegawai dan Titian Integrasi.

ii. Menjalankan program-program pemahaman budaya, adat resam dan pantang larang masyarakat antara wilayah.

##### d. Patriotisme

i. Merangka dan melaksanakan aktiviti pengukuhan semangat patriotism di kalangan Jiran Muda di KRT peringkat daerah/bahagian seperti Program Khemah Kerja Anak Malaysia, Debat Perpaduan dan Pertandingan Lagu-lagu Patriotik.

- ii. Meningkat dan mengukuhkan kefahaman masyarakat tentang institusi Raja Berpelembagaan dan Rukun Negara di kalangan komuniti setempat.
- e. Perlembagaan
  - i. Melaksanakan aktiviti-aktiviti penerangan dan penjelasan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh aspek perpaduan dan hubungan antara kaum oleh pihak yang bertanggungjawab.
  - ii. Memberi bimbingan mengenai pematuhan masyarakat kepada perkara-perkara berkaitan aspek, hubungan dan sensitiviti agama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

Pegawai-pegawai di peringkat kementerian/ jabatan/ bahagian/ unit.

### **Luaran**

- a. Agensi-agensi kerajaan Pusat dan Negeri.
- b. Polis Diraja Malaysia.
- c. Pihak Berkuasa Tempatan.
- d. Pejabat Daerah/ Bahagian.
- e. Jabatan Belia dan Sukan.
- f. Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- g. Majlis Keselamatan Negara.
- h. Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Daerah.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN**

- a. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dengan kredit Bahasa Malaysia.
- b. Mahir dalam perhubungan kaum.
- c. Berkebolehan sebagai mediator dalam menyelesaikan isu konflik.
- d. Berkebolehan dalam berhubung dengan masyarakat dalam pelbagai situasi.
- e. Minat yang tinggi dalam kerja-kerja kemasyarakatan.
- f. Bersedia bekerja di luar waktu pejabat.
- g. Berpengetahuan dalam budaya pelbagai kaum.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Sabar.
- b. Profesionalisme.
- c. Berani.
- d. Berkeyakinan.
- e. Mesra.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Terdedah kepada ancaman dalam situasi konflik, semasa mendapatkan maklumat dan membuat risikan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti di luar pejabat.
- c. Terdedah kepada golongan anti sosial dan penjenayah.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia. Surat Rujukan: Bil (21) dlm.KKM-61 (1969) Jld.3 bertarikh 24 Mei 2010.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Surat Rujukan: JPNIN.02/597/11 (AEP) Klt.23 (36) bertarikh 27 Mei 2010.